



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **15 Jamadilawal 1442 / 30 Disember 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 15 Jamadilawal 1442H bersamaan dengan 30 Disember 2020, **lima kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **Jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 157 orang.**
  - Kes 153 ialah seorang lelaki berumur 29 tahun yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dari India melalui Kuala Lumpur, Malaysia pada 18 Disember 2020 dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI874. Beliau telah mengalami cirit-birit bermula 21 Disember 2020 selama dua hari dan pada masa ini tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.

- Kes 154 ialah seorang wanita berumur 27 tahun yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dari India pada 18 Disember 2020 dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI4112. Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.
- Kes 155 ialah seorang wanita berumur 61 tahun yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dari India pada 18 Disember 2020 dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI4112. Beliau mula mengalami demam panas pada 29 Disember 2020.
- Kes 156 ialah seorang lelaki berumur 63 tahun dan suami kepada Kes 155. Beliau juga tiba ke Negara Brunei Darussalam dari India pada 18 Disember 2020 dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI4112. Beliau mula mengalami demam panas dan batuk pada 28 Disember 2020.
- Kes 157 ialah seorang wanita berumur 33 tahun yang juga tiba ke Negara Brunei Darussalam dari India pada 18 Disember 2020 dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI4112. Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.

- Kesemua kes-kes baru ini sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan.
2. Pengesahan kontak (*contact tracing*) bagi kes-kes baru ini telah mendapati **19 orang kontak terdekat** bagi kes ini di mana ujian awal menunjukkan kesemua mereka adalah negatif bagi COVID-19.
  3. Dengan pengesahan kes ini, sebanyak 16 kes import telah disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020 yang mana dengan ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan 238 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.
  4. Pada hari ini, seramai **580** orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **10,304** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.
  5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **199** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **83,108** ujian.

6. Dengan perkembangan terbaru dan situasi global semasa pada masa ini, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk tidak lalai atau *complacent* dalam mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing.
- Orang ramai adalah disarankan untuk mengamalkan kebersihan diri dan etika bersin yang betul.
  - Orang ramai terutamanya mereka yang mempunyai risiko seperti warga emas, ibu-ibu mengandung dan mereka yang mempunyai penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis, pesakit buah pinggang, masalah penafasan dan lain-lain, adalah juga digalakkan untuk memakai sungkup muka (face mask) apabila berada di tempat-tempat awam, termasuk apabila berkunjung ke tempat-tempat perkumpulan ramai seperti pusat-pusat membeli-belah, ekspos jualan dan tempat-tempat persiaran.
  - Orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk tidak keluar rumah jika merasa kurang sihat serta mengelakkan dari mengunjungi tempat-tempat yang penuh sesak.

Sebagaimana peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204), orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah dikeluarkan dan masih berkuatkuasa semasa pandemik COVID-19 ini.

7. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global dan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi wabak COVID-19, jika perlu dari masa ke semasa.
  
8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 15 Jamadilawal 1442H / 30 Disember 2020